

Negara kecil digesa berani bersuara

BH 27 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta negara kecil sedang membangun supaya bersatu menyuarakan kebimbangan mereka dalam pelbagai isu antarabangsa yang menjejaskan kepentingan bersama.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada negara di dunia yang benar-benar mantap dan mampu hidup bersendirian tanpa sokongan dan bantuan negara lain.

"Perubahan besar berlaku di peringkat global dalam tempoh beberapa tahun lalu. Negara baru

muncul manakala yang lama hilang. Tidak ada satu negara yang mampu berdiri sendiri, begitu juga tidak ada satu negara boleh menguasai negara lain melalui kekuatan politik, tentera atau ekonomi.

"Oleh itu, negara membangun kecil seperti Malaysia patut bersatu menyuarakan kebimbangan mengenai isu membabitkan mereka," katanya berucap di jamuan meraikan Perdana Menteri Tunisia, Dr Hamed Karoui, di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, antara kebimbangan yang

dirasakan Malaysia ialah corak pengurusan dalam menyelesaikan masalah berhubung sistem perdagangan sejagat.

"Sementara kami melihat kegagalan yang membimbangkan dalam menyelesaikan cabaran berhubung sistem perdagangan global lebih bebas dan memberi faedah kepada semua, kami percaya keuntungan lebih besar boleh diperolehi daripada perdagangan antara negara.

"Namun yang penting, kita berusaha ke arah sistem perdagangan pelbagai hala dan memberi so-

kongan kepada penubuhan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)," katanya.

Perdana Menteri turut menyuarakan kebimbangan Malaysia mengenai corak pengurusan pelbagai isu sejagat membabitkan tragedi dalam masyarakat dunia hari ini.

"Malaysia juga bimbang mengenai bagaimana isu global diurus dan ditangani. Kami dapati kerap kali keputusan yang membabitkan banyak pihak dibuat oleh sebilangan kecil mereka yang istimewa," katanya.

Beliau sekali lagi mela-

hirkan kekecewaan dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam menangani masalah pencabulan hak asasi manusia di Bosnia-Herzegovina dan Rwanda serta membiarkan pertubuhan itu diperalatkan oleh sesuatu pihak atau negara lain yang mahu memenuhi kepentingan sendiri.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia memuji Tunisia yang menjalankan tugas aktif dalam menggalakkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantainya serta menggalakkan kerjasama di kalangan negara Islam.